

DBKL sita skuter elektrik di Tasik Titiwangsa

Kuala Lumpur: Peniaga sewa basikal di Taman Tasik Titiwangsa, di sini, mendakwa pihaknya terpaksa menawarkan khidmat sewa skuter elektrik bagi menampung kos operasi perniagaan itu.

Peniaga yang enggan dikenali berusia 40-an berkata, kenderaan itu mendapat banyak permintaan daripada pelanggan yang berkunjung di taman berkenaan.

“Kita (peniaga) tahu skuter elektrik tidak boleh disewa di kawasan ini, namun kita dapat banyak permintaan daripada pelanggan yang mahu menaiki kenderaan itu berbanding basikal.

“Jika harap pada sewa basikal iaitu RM10 sejam, ia tidak mampu menampung kos operasi kami berbanding sewa skuter elektrik pada kadar RM24 bagi tempoh 40 minit,” katanya.

Peniaga itu ditemui ketika operasi tindakan khas Jabatan Penguatkuasaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di Taman Tasik Titiwangsa, semalam.

Katanya, sukar untuk peniaga sewa basikal di taman berkenaan mahu mendapatkan ramai pe-



Penguat kuasa DBKL merampas skuter elektrik dalam operasi tindakan khas di Taman Tasik Titiwangsa, semalam.

(Foto Aiman Farhan/BH)

langgan memandangkan jumlah peniaga yang ramai di sekitar tempat rekreasi itu.

“Terdapat 45 peniaga sewa basikal di sini, jadi susah untuk kami dapatkan pelanggan kerana persaingan kuat.

“Macam saya, hanya dapat purata antara RM2,500 ke RM3,000 sebulan jika hanya sewa basikal. Jumlah itu tidak dapat menam-

pung kos operasi termasuk bayar gaji pekerja dan baiki kenderaan rosak,” katanya.

Langgar syarat sah lesen

Dalam operasi bermula pada jam 9.30 pagi itu, kira-kira 100 basikal tersadai serta 30 skuter elektrik disita selepas didapati melanggar syarat sah lesen.

Mengikut syarat lesen peniaga

yang dikeluarkan pihak DBKL, beca, basikal elektrik, skuter elektrik, kasut roda, papan luncur, skuter dan kenderaan berenjin seumpamanya adalah tidak dibenarkan.

Tindakan sita dalam operasi itu dilakukan mengikut Undang-Undang Kecil Perlesenan Penjaja Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) 2016.